

Rasulullah SAW menganjurkan bahawa perniagaan terletak pada kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT sebagaimana sabdanya yang bermakna: "Sembilan persepuhlus sumber rezeki (boleh diperoleh) melalui perniagaan" (Hadis Riwayat Tirmizi).

Amalan yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW itu mendorong Mohd Azizul Abd Aziz, 25, untuk menceburi bidang perniagaan yang berasaskan penjualan kek dan roti.

Anak jati Kajang, Selangor itu menyifatkan pendedahan mengenai bidang perniagaan yang diberikan oleh ibunya sejak kecil banyak membantu beliau berjaya dalam bidang terbabit.

Ikuti wawancara bersama-sama pemegang ijazah sarjana muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan Islam) dengan kepujian dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengenai bidang yang diceburinya.

## Sejak bila anda mula terbabit dengan bidang perniagaan?

Saya mula menceburui bidang perniagaan melalui perniagaan penyediaan makanan sejak kecil apabila membantu perniagaan kafe-teria milik ibu.

Pendedahan asas perniagaan daripada ibu memberikan keyakinan untuk saya berkecimpung dalam perniagaan berdasarkan makanan secara kecil-kecilan.

Ketika berada di sekolah menengah, saya menjual keropok 'amplang' iaitu snek tradisional masyarakat 'bawean'. Sewaktu saya menyambung pengajian di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), saya menjual snek tradisional Melayu seperti keropok, kerepek dan kuih di kolej kediaman.

Saya turut membuka kedai di Kompleks 'Student Mall' untuk mendapat pengalaman dan mengisi masa lapang di samping menambah pendapatan.

Perniagaan secara kecil-kecilan seperti ini mendedahkan saya kepada kemahiran perniagaan atau kepakaran dalam perniagaan secara kritikal sebelum membabitkan diri dalam perniagaan yang lebih besar.

## Apakah yang menyebabkan anda terfikir untuk menuju Syarikat Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd?

Semua bermula ketika saya menyambung pengajian di UniSZA. Saya dilantik oleh syarikat Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd iaitu syarikat pe-

ngeluar produk berasaskan kek dan roti berpangkalan di Kuala Terengganu selaku perunding pemasaran untuk membantu pemasaran syarikat.

Projek ini mendedahkan saya kepada potensi perniagaan bakeri yang masih lagi belum dikuasai oleh masyarakat Melayu. Samanutan yang menggalakkan terutama dalam kalangan masyarakat Muslim untuk produk sebegini membuka mata saya untuk turut terbabit secara langsung dalam perniagaan ini.

Hasil perbincangan dengan pengurusan syarikat Ziq Bakery & Cake Sdn Bhd, mereka membenarkan saya mengambil alih satu-satunya cawangan mereka di luar Terengganu iaitu di Mydin Mall, Ayer Keroh Melaka.

Selain itu, saya juga telah mengenal pasti lokasi untuk beberapa cawangan lain di Jonker Walk Melaka, Puchong, dan Sungai Besi.

## Jika diamati, anda bukanlah berasal dari Melaka. Adakah keadaan ini menghalang anda untuk menjalankan perniagaan di negeri lain selain negeri kelahiran anda?

Oh, tidak sama sekali. Sama seperti menyambung

## "PENDEDAHAN MENGENAI BIDANG PERNIAGAAN YANG DIBERIKAN OLEH IBU SEJAK KECIL BANYAK MEMBANTU Saya BERJAYA DALAM BIDANG INI"

**Mohd Azizul Abd Aziz,  
Usahawan**

pengajian. Ada yang datang dari merata-rata tempat dengan satu harapan yang sama untuk berjaya dalam bidang akademik dan kehidupan.

Begitu juga dalam perniagaan. Melaka ialah negeri yang indah untuk memulakan sesuatu perniagaan. Pasaran di sini masih lagi terbuka luas dengan sektor pelancongan yang semakin berkembang hasil daripada inisiatif kerajaan negeri.

Taraf hidup dan kuasa beli yang tinggi dalam kalangan masyarakat di sekitar juga antara faktor yang mem-

pengaruhi keputusan saya. Malah, majoriti masyarakat Muslim di sini menghadapi kesukaran mendapatkan produk kek dan roti yang halal dan saya berharap dapat membantu mereka.

Menjalankan perniagaan di negeri orang bukanlah sesuatu yang sukar, asalkan kita berminat dan sanggup mempelajari budaya masyarakat setempat.

## Apakah nasihat anda kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat untuk mencebur-

## buri bidang perniagaan seperti anda?

Kepada lulusan SPM yang berminat untuk menceburi bidang ini, mulakan dengan mendapatkan kemahiran membuat produk kerana kemahiran amat diperlukan oleh industri. Terdapat pelbagai institusi yang menyediakan latihan dalam bidang ini seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan GIATMARA. Syarikat kami juga menyediakan program persijilan melalui Akademi Ziq di Kuala Terengganu.



Pekerja sedang membuat kek di Ziq Bakery & Cake.